

Melayu Islam diingatkan jangan anggap kelompok lain tidak boleh diraikan

PUTRAJAYA - Kaum Melayu Islam di negara ini diingatkan agar tidak terlalu selesa dan angkuh sehingga meminggirkan kelompok yang lain.

Tegas Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, kaum majoriti di Malaysia perlu mengambil pengajaran daripada pentadbiran Kemboja yang meraikan masyarakat Islam di negara itu.

“Kemboja, negara majoritinya dianuti masyarakat Buddha tetap meraikan sekumpulan minoriti Islam yang hanya 10 peratus dengan mengadakan program iftar serta melantik menteri Islam,” katanya dalam ucapan Perhimpunan Bulanan Kementerian Kewangan di sini pada Selasa.

Ujar Anwar, sikap selesa dan angkuh bukan dianjurkan dalam pengajaran serta pedoman Rasulullah SAW sebagaimana Perjanjian Madinah menyatupadukan semua pihak asalkan patuh kepada peraturan, perlembagaan serta tidak memerangi majoriti.

“Sementara kita menjaga kepentingan Melayu Muslim, kita perlu pastikan adanya prinsip saling hormat-menghormati, meraikan dan memberi hak kewarganegaraan kepada semua,” katanya.

Pada 28 Mac lalu, Anwar membuat kunjungan ke Phnom Penh bagi mengukuhkan hubungan diplomatik yang terjalin sejak 66 tahun lalu, selain membincangkan pelbagai isu dua hala, serantau serta antarabangsa dengan rakan sejawatannya, Hun Sen.